

**RM43 bilion ditanggung jika mansuh PTPTN – PM  
Utusan Online  
07 April, 2012**

BATU PAHAT 7 April - Kerajaan akan menanggung RM43 bilion jika pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dimansuhkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sekiranya dimansuhkan seperti janji pihak pembangkang sekiranya memerintah, ia akan menjadi beban kepada kerajaan.

"Saya nak bagi tahu, PTPTN kalau dimansuhkan kerajaan akan menanggung kos RM43 bilion. Ada tiga sahaja kerajaan yang buat dan salah satu adalah Norway.

"Tapi di Norway, kadar cukai yang dikenakan kepada rakyat pula sangat tinggi. Adakah kita nak naikkan cukai kepada rakyat untuk hapuskan pinjaman PTPTN? Sudah pasti kita tak mahu membebankan rakyat dengan naik cukai," katanya semasa merasmikan program Jelajah Janji Ditepati di Stadium Batu Pahat di sini hari ini.

Turut hadir isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman dan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Kira-kira 50,000 rakyat pelbagai kaum hadir memeriahkan program sehari itu.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya 90 peratus kos pengajian telah ditanggung oleh kerajaan dan hanya 10 peratus yuran dibayar oleh penuntut menerusi pinjaman PTPTN. -  
UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0407&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_05.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0407&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_05.htm)